

Bina sekolah di perumahan baharu ikut kajian permintaan, keperluan

Penentuan lokasi, bilangan sekolah berpandukan keberkesanan serta kualiti kemudahan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dasar mewajibkan kemudahan sekolah di kawasan perumahan baharu perlu dilaksana berdasarkan kajian permintaan dan pelan induk yang menyeluruh, bukannya peraturan mandatori secara menyeluruh tanpa mengambil kira keperluan sebenar.

Pengarah Penyelidik Rahim & Co International, Sr Sulaiman Saheh, berkata hasrat memasti-

kan kemudahan persekolahan mudah diakses penduduk adalah baik, khususnya bagi projek di kawasan baharu yang belum mempunyai sekolah atau tadika.

Bagaimanapun katanya, penentuan lokasi dan bilangan sekolah perlu berpandukan analisis permintaan, keberkesanan serta kualiti kemudahan pendidikan yang disediakan, selain diselaraskan dengan strategi pendidikan negara.

“Perlu ada pelan induk kemudahan tadika, sekolah rendah dan menengah yang diintegrasikan dengan kawasan perumahan, dengan pemantauan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta penguatkuasaan.

“Contohnya, jika setiap projek diwajibkan membina sekolah sendiri, adakah cukup jumlah pelajar mengikut julat umur?”

“Kalau wujud banyak sekolah kecil tanpa padang atau fasiliti lengkap, lebih baik ia digabung-



“Perlu ada pelan induk kemudahan tadika, sekolah rendah dan menengah yang diintegrasikan dengan kawasan perumahan, pemantauan PBT serta penguatkuasaan”

Sr Sulaiman Saheh,
Pengarah Penyelidik Rahim
& Co International

kan di bawah pelan induk tempatan bagi mewujudkan sekolah dengan kemudahan lebih baik dan komprehensif,” katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini yang mengarahkan semua projek perumahan rakyat berskala besar supaya mematuhi sepenuhnya kerangka MADANI, terma-

suk menyediakan segala kemudahan asas lain yang memenuhi keperluan rakyat.

Anwar dilaporkan berkata, syarat itu termasuk pembinaan sekolah menengah, sekolah rendah atau *vertical school* (sekolah menegak) yang lengkap dengan lif khas dalam bangunan, tadika dan prasekolah serta kemudahan keselamatan dan kesihatan.

Ikut profil penduduk

Mengulas lanjut Sulaiman berkata, keperluan persekolahan juga berbeza mengikut profil penduduk sesuatu projek perumahan, seperti perumahan warga emas, pasangan muda atau rumah belia yang mungkin tidak memerlukan bilangan sekolah yang banyak.

Namun, jika diambil kira beberapa projek di kawasan setempat, jumlah pelajar berpotensi mungkin cukup untuk mewujudkan kemudahan sekolah berskala optimum.

“Dasar untuk memastikan adanya tadika, sekolah rendah dan menengah di sesuatu kawasan adalah wajar dan penting, tetapi mekanisme pengiraan mesti berdasarkan permintaan sebenar,” katanya.

Beliau menegaskan, persekitaran lengkap dengan kemudahan pendidikan adalah sebahagian daripada pembangunan institusi kekeluargaan yang sihat dan kesejahteraan masyarakat.